

# Cabaran emosi berdepan realiti sosial belia



## Rencana Utama

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

Di peringkat negeri-negeri, Dr. Mursyid memainkan peranan signifikan sehingga diangkat sebagai ketua kajian dalam pembentukan beberapa polisi utama antaranya Dasar Bella Selangor 2020; Dasar Modal Insan Selangor; Pelan Pembangunan Bella Selangor; Dasar Anak Muda Pahang dan Pelan Strategik Pemerkasaan Pendidikan Perak Sejahtera 2030.

Berpeluang menemu bual insan yang layak disifatkan sebagai 'arkitek' pembangunan bella negara ini, Dr. Mursyid mengakui latar kehidupan dalam keluarga sederhana telah membentuk nilai disiplin, tanggungjawab dan kepekaan sosial yang kuat dalam dirinya sejak usia muda.

"Pendidikan awal saya bermula di Sekolah Kebangsaan Tunku Ismail, Sungai Petani, Kedah sebelum melanjutkan persekolahan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim.

"Minat terhadap pembelajaran dan pembangunan insan terus berkembang apabila saya menyambung pengajian di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang.

"Di situlah kecenderungan saya dalam bidang pembangunan sumber manusia dan pendidikan bermula sebelum menyambung pengajian ke UPM dan berkhidmat hingga ke hari ini," katanya.

Jelas Dr. Mursyid, kepakarannya merangkumi pendidikan berterusan, pembangunan bella, kepimpinan bella dan pembangunan sumber manusia dengan penekanan kepada pendekatan antara disiplin yang menghubungkan penyelidikan, dasar dan intervensi komuniti.

Kepakaran itu secara tidak langsung membolehkannya menyumbang secara signifikan dalam pembangunan polisi dan strategi bella di peringkat negeri dan nasional.

Berkongsi lanjut peranannya sebagai Ketua Panel Anugerah Perdana Bella Negara (APBN) yang mungkin ramai tidak tahu, Dr. Mursyid bertanggungjawab memastikan proses penilaian dilaksanakan secara telus, berintegriti dan berteraskan impak sebenar sumbangan bella kepada masyarakat.

"Skop tugas saya merangkumi pemurnian kriteria penilaian, penyelarasan panel, penilaian lapangan serta memastikan anugerah tersebut benar-benar mengiktiraf bella yang bukan sahaja cemerlang dari segi pencapaian, tetapi juga beretika, lestari dan memberi manfaat jangka panjang kepada

komuniti.

"Peranan ini turut menuntun kebijaksanaan dalam menilai kepelbagaian latar belakang, konteks setempat dan bentuk sumbangan bella di setiap negeri.

"Penglibatan berterusan ini mencerminkan komitmen saya dalam memperkukuh ekosistem pengiktirafan bella negara, sekali gus memastikan APBN kekal relevan sebagai penanda aras kecemerlangan dan kepimpinan bella di Malaysia," katanya.

Mengenai Anugerah Young Innovators Creating a Better World for All sempena Forum Ekonomi Wanita (WEF) ASEAN 2025 yang baru diterimanya, Dr. Mursyid memberitahu, pengiktirafan tersebut menilainya usaha yang konsisten dalam menterjemahkan ilmu akademik kepada dasar awam dan program pembangunan yang memberi impak nyata kepada masyarakat.

Ia sebagai satu pengiktirafan terhadap sumbangan berterusan dalam memperkukuh pembangunan insan,



DR. MURSYID (duduk empat dari kiri) bersama Skwad PUTRA (Pertanian Untuk Rakyat) Pusat Pembangunan dan Kokurikulum Pelajar UPM, Serdang.



KEPAKARAN pembangunan bella Dr. Mursyid sering ditagih dalam merangka pelbagai kajian berimpak tinggi melibatkan bella di negara ini. - KOLEKSI DR. MURSYID

### PENGLIBATANNYA dalam pembangunan bella di peringkat nasional dan negeri diperakui banyak pihak.



### INFO Prof. Madya Dr. Mohd. Mursyid Arshad

- Umur: 39 tahun
- Kerjaya/Jawatan terkini: Professor Madya (Pembangunan Bella) & Pengerah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, UPM
- Anugerah: Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 dan 2022; Anugerah Advokasi Awam (Bidang Sains Sosial) UPM 2023; Anugerah Visibiliti Media UPM 2023; Pingat Jasa Bella (P.J.B) Wilayah Persekutuan (2024) dan Anugerah Young Innovators Creating a Better World for All sempena Forum Ekonomi Wanita (WEF) ASEAN 2025

• Facebook: @Mohd Mursyid Arshad



KERJAYA dan kajian yang dilakukan Dr. Mursyid memerlukan dirinya banyak mendekati generasi muda.

khususnya bella melalui pendekatan berasaskan penyelidikan, dasar dan intervensi komuniti.

"Anugerah ini turut mengiktiraf komitmen dalam membangunkan kepimpinan bella yang beretika, inklusif dan berdaya tahan serta keupayaan menghubungkan pelbagai pemegang taruh merangkumi institusi pendidikan, agensi kerajaan, komuniti dan organisasi masyarakat sivil.

"Pendekatan inovasi sosial yang menekankan kelestarian, kebolehskaan dan kesejajaran dengan keperluan sebenar bella menjadi antara faktor utama pemilihan penerima.

"Lebih daripada pengiktirafan peribadi, anugerah ini dilihat sebagai penghormatan terhadap usaha kolektif dan kepercayaan bahawa pembangunan bella dan pemeraksaan insan merupakan asas penting dalam membina masyarakat yang adil, progresif dan berdaya saing di peringkat serantau dan global," tuturnya.

Di sebalik pencapaian dan pengiktirafan, perjalanan kerjayanya dalam bidang akademik dan pembangunan bella, dia juga tidak terlepas daripada cabaran yang besar. Berkongsi antara lita dan cabaran termasuklah dari segi tuntutan masa yang tinggi untuk mengimbangi peranan sebagai ahli akademik, penyelidik, perunding dasar dan pemimpin institusi yang acap kali memerlukan komitmen di luar waktu kerja formal.

"Cabaran kedua melibatkan tekanan emosi dan mental apabila berhadapan secara langsung dengan realiti sosial bella, termasuk isu ketidakadilan peluang, kerentanan sosioekonomi dan jurang pembangunan antara kelompok.

"Berdepan dengan data dan situasi sebenar di lapangan menuntut ketahanan emosi serta keupayaan membuat keputusan yang berimbang antara idealisme dan realiti dasar.

"Seterusnya keperluan untuk sentiasa kekal relevan dalam landskap yang berubah pantas, khususnya dari segi teknologi, perubahan nilai generasi dan keutamaan dasar awam.

"Ia menuntut pembelajaran berterusan, keterbukaan terhadap pendekatan baharu dan kesediaan menyesuaikan diri tanpa mengorbankan prinsip dan nilai teras pembangunan insan," katanya.

Baginya, erti sebenar pembangunan



DR. MURSYID (kiri) dengan berkenan disaksikan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah (tengah) telah diangkat sebagai ketua kajian pembentukan Dasar Bella Selangor 2020.

bella terletak kepada keupayaan sistem dan masyarakat untuk mempercayai bella sebagai rakan strategik, bukan sekadar penerima manfaat.

Atas prinsip itu, Dr. Mursyid secara konsisten memperjuangkan pendekatan keserakanan bella—dewasa atau Youth-Adult Partnership (Y-AP) yang meletakkan bella dan orang dewasa dalam hubungan setara bagi merancang, melaksana dan menilai inisiatif pembangunan.

Pada masa sama, dia menekankan kepentingan program berpusatkan bella, iaitu pendekatan yang bermula daripada suara, keperluan dan potensi bella sendiri, bukannya ditentukan sepenuhnya secara atas-bawah.

"Dalam kerangka ini, pementoran bella menjadi elemen penting untuk membimbing, membuka peluang dan memindahkan nilai serta pengalaman, tanpa menafikan autonomi dan keupayaan membuat keputusan dalam kalangan bella.

"Selari dengan prinsip Pembangunan Bella Positif (Positive Youth Development, PYD), pembangunan bella dilihat sebagai proses memperkukuh kekuatan, kompetensi dan karakter bella, bukan

sekadar menangani kelemahan atau risiko.

"Bagi saya, kejayaan pembangunan bella hanya dapat dicapai apabila bella diberi ruang untuk belajar, memimpin dan bertanggungjawab, sambil disokong oleh ekosistem dewasa yang berperanan sebagai pemudah cara, bukan pengawal sematamata," ujarnya.

Mengakhiri perkongsian, Dr. Mursyid menegaskan bahawa kejayaan bukanlah sesuatu yang hadir secara segera atau mudah.

"Ia menuntut kesungguhan membina ilmu, disiplin diri dan integriti, di samping kesediaan untuk belajar daripada kegagalan dan pengalaman hidup.

"Kepada bella di luar sana, jangan terperangkap dengan pencarian populariti atau pengiktirafan jangka pendek, sebaliknya beri tumpuan kepada pembinaan kompetensi, nilai dan keupayaan menyumbang kepada masyarakat.

"Bella perlu berani mengambil tanggungjawab, berfikir secara kritikal dan terlibat secara bermakna dalam isu yang memberi kesan kepada kehidupan mereka sendiri dan komuniti sekeliling," katanya.



PINGAT Jasa Bella (P.J.B) Wilayah Persekutuan turut dianugerahkan kepada Dr. Mursyid pada 2024.



8.00 MAL 01 DISEMBER 2024 SERI PASIFIC HO